

## TERMA DAN SYARAT (T&S): KEMPEN PULANGAN TUNAI KAD DEBIT VISA 2019

### TEMPOH KEMPEN

**“Kempen Pulangan Tunai Kad Debit Visa 2019” (“Kempen”)** Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula dari **1hb September 2019** pada jam 00:00:00 (12:00a.m.) dan akan tamat pada **31hb Oktober 2019** pada jam 23:59:59 (11:59p.m.), termasuk kedua-dua tarikh (**“Tempoh Kempen”**), melainkan diberitahu sebaliknya.

### SYARAT KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Debit Visa yang baharu dan sedia ada termasuk semua pemegang sedia ada Kad Debit Mach yang dikeluarkan oleh HLB (**“Bank”**) yang melakukan Pembelian Runcit semasa Tempoh Kempen, secara kolektif dirujuk sebagai **“Pemegang Kad Yang Layak” (“Pemegang Kad Yang Layak”)**.
2. Yang berikut TIDAK layak menyertai kempen ini:
  - a. Pemegang Kad yang memiliki Kad Debit Visa HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia
  - b. Pemegang Kad dimana rekod akaun Kad Debit Visa HLB mereka tidak baik, tidak aktif, berpaut kepada Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (**“CASA”**) yang telah ditutup atau tidak aktif atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat akaun Kad Debit pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen;
  - c. Pemegang Kad Debit Visa Hong Leong yang dimana akaun dipercayai dikendalikan secara penipuan, secara tidak sah dan / atau yang Kad Debit Hong Leong tidak sah atau dibatalkan mengikut takrif Bank pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen sehingga akhir pemenuhan; dan / atau;
  - d. Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh mana-mana bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.
  - e. Kad yang melanggar Terma & Syarat Kempen ini atau Terma & Syarat Perjanjian Pemegang Kad Debit atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan kesalahan

### PENDAFTARAN KEMPEN

3. Pemegang Kad yang Layak hendaklah mendaftar dengan membalas SMS yang dikirim oleh HLB seperti berikut:

Taip **VC1** dan hantarkan kepada 66600
4. Pemegang Kad yang Layak berjaya mendaftar akan layak menyertai Kempen Pulangan Tunai ini dari bulan yang mendaftar sehingga akhir Kempen. Contohnya, Pemegang Kad mendaftar di September 2019 akan layak untuk menyertai Kempen ini dari September 2019 hingga Oktober 2019, dan kepada Pemegang Kad yang Layak mendaftar di Oktober 2019 hanya layak untuk menyertai Kempen ini di Oktober 2019 sahaja.

5. Pemegang Kad yang Layak akan dijejak secara automatik untuk menghitung berdasarkan Transaksi yang Layak dinyatakan dalam Klausu 8.
6. Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab :
  - a. Semak & pastikan penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing ("**Telcos**") menyokong penghantaran SMS ke Nombor Ditetapkan untuk Kempen ini;
  - b. Membayar caj SMS standard yang dikenakan oleh *Telcos* untuk setiap SMS yang dihantar untuk Kempen ini ke Nombor Ditetapkan. *Telcos* yang mampu menyokong penghantaran SMS ke Nombor Ditetapkan untuk kempen ini ialah Celcom, Maxis, Digi dan uMobile. HLB tidak akan bertanggungjawab jika *Telcos* Pemegang Kad yang Layak tidak dapat menyokong penghantaran sebarang SMS ke Nombor Ditetapkan; dan
  - c. Memastikan butiran semasa Pendaftaran SMS dihantar ke Nombor Ditetapkan adalah tepat, lengkap, mengikut format yang ditetapkan dan dalam Tempoh Kempen, jika gagal, Pendaftaran SMS Pemegang Kad Layak tidak akan diproses dan tidak layak untuk menyertai Kempen ini
7. Setelah pendaftaran berjaya, Pemegang Kad yang Layak akan menerima pengesahan melalui SMS tanpa sebarang kos. Pengesahan tersebut akan dihantar ke nombor mudah alih Pemegang Kad Yang Layak yang digunakan untuk pendaftaran kempen ini.

#### **MEKANIK KEMPEN**

8. *Pemegang Kad Yang Layak* perlu melakukan sekurang-kurangnya 3 transaksi Pembelian Runcit (Klausu 10 di bawah) minima RM30 untuk setiap Pembelian Runcit dalam bulan yang sama dengan menggunakan Kad HLB Visa Debit melalui bayaran contactless di mana-mana peniaga/pedagang di Malaysia ("**Transaksi yang Layak**"). Pemegang kad yang Layak yang memenuhi syarat kelayakan dan dengan transaksi layak akan berpeluang untuk menikmati Pulangan Tunai sebanyak 5% ("**Pulangan Tunai**") bagi setiap transaksi yang ke-3.
  - a. Pulangan Tunai dihadkan kepada RM12.50 bagi setiap pelanggan pada setiap bulan, berdasarkan siapa cepat dia dapat ("**Pemenang Kempen**") dan Pulangan Tunai dihadkan pada RM52,500 setiap bulan dengan jumlah RM105,000 sepanjang Tempoh Kempen.
9. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai hanya akan diberikan kepada Pemegang Kad Yang Layak yang memenuhi syarat seperti dinyatakan dalam Klausu 8. Sila rujuk contoh berikut:

<b>Contoh</b>	<b>Amaun Transaksi (RM)</b>	<b>Tarikh Transaksi</b>	<b>Kelayakan Pulangan Tunai</b>	<b>Kenyataan</b>
<b>Pemegang Kad A</b>	30	1 Sept' 2019	TIADA	Pemegang Kad tidak melakukan 3 transaksi yang diperlukan untuk menikmati rebat kempen ini.
	31	5 Sept' 2019		
<b>Pemegang Kad B</b>	30	16 Sept' 2019	TIADA	Amaun Transaksi yang ke-2 tidak merupakan transaksi layak kerana kurang daripada RM30 .
	15	20 Sept' 2019		
	50	23 Sept' 2019		
<b>Pemegang Kad C</b>	30	16 Sept' 2019	TIADA	Kesemua 3 transaksi tidak dilakukan dalam bulan yang sama.
	30	20 Sept' 2019		
	50	1 Okt' 2019		

<b>Pemegang Kad D</b>	30	16 Sept' 2019	YA	<b>RM1.5 Pulangan Tunai.</b> 5% Pulangan Tunai daripada jumlah Transaksi Yang Layak ke-3
	30	20 Sept' 2019		
	30	23 Sept' 2019		
<b>Pemegang Kad E</b>	30	16 Sept' 2019	YA	<b>RM12.5 Pulangan Tunai.</b> Pulangan Tunai terhadap kepada RM12.50 bagi setiap pemegang kad, bagi setiap bulan.
	30	20 Sept' 2019		
	250	23 Sept' 2019		
<b>Pemegang Kad F</b>	30	16 Sept' 2019	YA	<b>RM5.0 Pulangan Tunai.</b> Amaun Transaksi yang ke-2 tidak memenuhi syarat pembelian runcit minimum kempen. Oleh itu, transaksi seterusnya yang memenuhi syarat kempen dikira sebagai transaksi layak yang Ke-2.
	15	16 Sept' 2019		
	50	20 Sept' 2019		
	100	27 Sept' 2019		
<b>Pemegang Kad G</b>	30	16 Sept' 2019	TIADA	Transaksi yang ke-2 bukan jenis transaksi Wave & Pay.
	30*	20 Sept' 2019		
	50	23 Sept' 2019		

**\*Jenis Transaksi PIN & PAY or Chip & PIN**

10. Pembelian Runcit ("**Pembelian Runcit**") merujuk kepada sebarang urusan pembelian yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) di tempat jualan atau secara bersemuka (dengan kehadiran kad) di kedai runcit berkenaan yang telah berjaya dicaj kepada Kad Debit Visa HLB. Bagi mengelakkan keraguan, Pembelian Runcit yang dikecualikan dari kempen adalah seperti berikut:

- a. Arahan Tetap / perkhidmatan berulang, utility, perkhidmatan kerajaan dan pembayaran automatik
- b. Sebarang transaksi yang dilakukan melalui talian/internet atau perbelanjaan di luar negara.
- c. Pengeluaran tunai melalui apa jua cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik [ATM], kaunter, kuasi-tunai, dan lain-lain).
- d. Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
- e. Apa-apa bentuk perkhidmatan atau bayaran pelbagai, termasuk tetapi tidak terhadap kepada caj kewangan seperti yuran tahunan, yuran penggantian kad dan cukai perkhidmatan kerajaan (jika berkenaan), yang dikenakan oleh Bank.

**PEMENUHAN KEMPEN**

11. Akaun (CASA) HLB Pemenang Kempen mestilah sah / aktif, berkedudukan baik pada masa pemberian Pulangan Tunai itu; jika tidak dia akan terlucut kelayakannya daripada menerima Pulangan Tunai dalam Kempen ini.
12. Pulangan Tunai akan dikreditkan dalam masa lapan (8) minggu setelah tamatnya Tempoh Kempen ini. Pemenang Kempen wajib memaklumkan HLB sebelum 15 Disember 2019 secara

bertulis sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai, jika tidak Pemegang Kempen dianggap telah berjaya mendapat Pulangan Tunai tersebut dan sebarang rayuan/permintaan untuk bayaran ganti Pulangan Tunai tidak akan dilayan selepas itu.

13. Pengumuman Pemenang Kempen (contoh, nama dan nombor MyKad / pasport (“KP”) dalam bentuk terlindung) akan dilakukan dalam Laman Web HLB dalam masa lapan (8) minggu setelah tamatnya Tempoh Kempen.

## **UMUM**

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Yang Layak bersetuju:
  - a. Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Kad Debit yang boleh disemak di Laman Web HLB;
  - b. Bahawa sebarang pembalikan transaksi akan dikecualikan;
  - c. Bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
  - d. Untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen ini, untuk sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat Kempen ini dan untuk membuat susulan dengan HLB jika mereka telah disenaraikan untuk layak menerima Pulangan Tunai;
  - e. Memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan nama, nombor kad pengenalan (dalam bentuk terlindung) di dalam Laman Web HLB; dan
  - f. Bahawa telah membaca, memahami dan diikat oleh notis Privasi HLB yang tersedia ada di laman web HLB ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my))
15. HLB berhak:
  - a. Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Yang Layak dan atas budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Kempen ini;
  - b. Menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Yang Layak Kempen atas apa jua sebab sekalipun yang difikir wajar menurut budi bicara mutlaknyanya. Khususnya, HLB mempunyai hak mutlak untuk menolak kelayakan Pemegang Kad Yang Layak Kempen yang telah melakukan Pembelian Runcit menurut pengertian Terma & Syarat ini, dengan cara atau pola yang menurut HLB adalah di luar kebiasaan, di luar aturan dan / atau menunjukkan suatu percubaan untuk beroleh kelebihan secara tidak adil atas Pemegang Kad Layak Kempen lain yang mempunyai cara atau pola pembelanjaan yang biasa/teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak Kempen;
  - c. Melupakan dan/atau menolak balik Pulangan Tunai dalam keadaan apabila berlaku pembalikan Pembelian Runcit atau penamatan Kad Debit Visa HLB semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa pemberian Pulangan Tunai dan terdapat ketidakpatuhan Terma & Syarat di dalam ini;
  - d. Meminda jumlah Pulangan Tunai dan/atau mengganti Pulangan Tunai di dalam ini dengan hadiah lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB, untuk membolehkan notis awal diberi kepada Pemegang Kad Layak Kempen; dan

- e. Menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, menurut budi bicara mutlakanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB, untuk membolehkan notis awal diberi kepada Pemegang Kad Layak Kempen tentang perkara menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat atau penamatan Kempen ini.
16. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran dan / atau pemprosesan transaksi jualan oleh Visa international Incorporated, syarikat Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Yang Layak Kempen tertinggal daripada Kempen ini.
  17. HLB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kerugian dan / atau kerosakan Pemegang Kad HLB daripada menyertai Kempen ini.